

## Cuba pererat ikatan keluarga lepas ayah bebas penjara

APABILA mendapat tahu bapanya telah ditahan kerana terlibat dengan dadah, beliau begitu terkejut sehingga tidak tahu apa yang harus dilakukan.

Namun, setelah melihat keadaan ibunya yang begitu terkesan dengan 'kehalangan' bapanya secara mendadak, Cik Nisa (*Zukan nama sebenar*) yang pada masa itu baru berusia selitar 12 tahun, sedar bahawa sebagai anak sulung, beliau harus mengautkan semangat dan menjaga ibu dan tiga adiknya.

Sejak itu, beliau memainkan peranan penting sebagai 'ibu' di rumah di mana beliau mengemas rumah, memasak, menjaga adik-adiknya dan pada masa yang sama cuba mengembalikan semangat ibunya.

Ini dilakukan Cik Nisa walaupun pada tahun itu perlu menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Tidak dapat dibayangkan bagaimana gadis bertubuh kecil itu dapat memikul tanggungjawab berat pada usia yang begitu muda.

Kini berusia 20 tahun, Cik Nisa masih tidak dapat melupakan perasaan beliau pada masa itu.

"Detik paling sedih yang saya masih ingat hingga sekarang adalah apabila saya mengambil keputusan PSLE dan bapa saya tidak dapat hadir kerana sudah dalam penjara pada masa itu.

"Apabila saya melihat ibu bapa teman lain semua hadir, saya berasa begitu kecil dan sedih sekali, kerana ini merupakan detik yang penting bagi kami semua, dan bapa saya tiada di sana," katanya sambil mengesat air mata yang mengalir.

Selain tidak dapat merasakan kehadiran seorang suami dan bapa, keluarga Cik Nisa juga kehilangan pencari nafkah utama selama sekitar lima tahun.

Ibunya seorang warga Indonesia tidak dibenarkan bekerja di Singapura. Cik Nisa dan tiga adiknya, yang kini berusia 15, 13 dan 10 tahun pula terlah kecil untuk bekerja pada masa itu.

Untuk itu mereka hanya bergantung pada bantuan kewangan yang diperolehi dari



BERUSAHA ERATKAN HUBUNGAN KELUARGA: Cik Nisa (*Zukan nama sebenar*) ingin melihat keluarganya semakin rapat dan berharap ibu bapanya dapat menyaksikan beliau mencapai kejayaan. - Foto BM oleh ARIFFIN JAMAR

badan-badan dan juga mungkin dari saudara mara.

Mujur Cik Nisa, yang kini bakal menamatkan tahun akhirnya di Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dalam jurusan kejuruteraan sivil dan struktural, mempunyai sekumpulan teman rapat yang sedia mendengar tentang sebarang masalah yang dihadapi.

"Ada kalanya memang saya tertekan dengan apa yang berlaku dengan keluarga, dan

ada kalanya ia juga mengganggu tumpuan saya di sekolah.

"Tapi saya mempunyai sekumpulan empat orang kawan, yang bersama-sama dengan saya sejak di sekolah rendah, hingga ke sekolah menengah dan juga ITE, yang bersedia mendengar luahan hati saya dan membantu sekecil mungkin," ujarnya.

Cik Nisa kini selepas bapanya dipenjarakan, hubungan keluarganya mula renggang.

Kini, setelah sekitar dua tahun bapanya dibebaskan dari penjara, Cik Nisa meletakkan matlamat untuk mengeratkan semula hubungan keluarga mereka.

Ini dibantu Program Fairy Godparent (FGP) Dana Reben Kuning-Perkhidmatan (ISCOS), yang menyediakan program untuk membantu keluarga bekas banduan untuk mengeratkan hubungan antara satu si-

ma lain menerusi aktiviti yang diadakan.

Ini termasuk bengkel-bengkel yang dikhususkan untuk ibu bapa, belia dan kanak-kanak bertujuan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dalam komunikasi, membina aspek sosial dan emosi yang dapat menyumbang kepada hubungan antara keluarga yang lebih baik.

Selain itu, ia juga menawarkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan interaksi antara anggota keluarga seperti membuat terrarium, memasak, dan melukis bersama.

Dengan bapanya yang bekerja sebagai seorang penghantar barangan yang juga bekerja pada hujung minggu, agak sukar bagi keluarga Cik Nisa berkumpul bersama dan sesi-sesi tersebut merupakan peluang yang baik untuk mereka.

Kini, beliau akui anggota keluarganya lebih rapat dan terbuka antara satu sama lain di mana masing-masing akan berceritakan apa yang terjadi. Kepada mereka pada hari itu atau membincangkan masalah-masalah yang dihadapi.

"Kami juga kini semakin rapat dengan saudara mara sebelah bapa saya dan mereka akan mengadakan 'gathering' di mana kita berkumpul bersama bertuak dan makan-makan, saya amat berterima kasih kepada pakcik dan makcik saya kerana berusaha untuk mengeratkan hubungan kita," katanya.

Menurut Cik Nisa, pengalaman yang dilaluinya sebelum ini menambah keyakinan diri beliau dan telah menjadikan beliau seorang yang tabah dalam menghadapi sebarang cabaran.

Namun buat masa kini beliau hanya gembara keluarganya dapat bersatu semula.

Sambil mengesap air mata yang mengalir, Cik Nisa berkata: "Saya berharap keluarga saya akan kekal bersama sehingga akhir hayat, kerana saya begitu sayang kepada mereka dan tidak ingin melihat kita terpisah lagi.

"Saya juga ingin ibu bapa saya berpeluang melihat saya mencapai kejayaan, dan membuat mereka bangga."

Text:

## **Cuba pererat ikatan keluarga lepas ayah bebas penjara**

APABILA mendapat tahu bapanya telah ditahan kerana terlibat dengan dadah, beliau begitu terkejut sehingga tidak tahu apa yang harus dilakukan.

Namun, setelah melihat keadaan ibunya yang begitu terkesan dengan 'kehilangan' bapanya secara mendadak, 'Cik Nisa' (*bukan nama sebenar*) yang pada masa itu baru berusia sekitar 12 tahun, sedar bahawa sebagai anak sulung, beliau harus menguatkan semangat dan menjaga ibu dan tiga adiknya.

Sejak itu, beliau memainkan peranan penting sebagai 'ibu' di rumah di mana beliau mengemas rumah, memasak, menjaga adik-adiknya dan pada masa yang sama cuba mengembalikan semangat ibunya.

Ini dilakukan Cik Nisa walaupun pada tahun itu perlu menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE).

Tidak dapat dibayangkan bagaimana gadis bertubuh kecil itu dapat memikul tanggungjawab berat pada usia yang begitu muda.

Kini berusia 20 tahun, Cik Nisa masih tidak dapat melupakan perasaan beliau pada masa itu.

"Detik paling sedih yang saya masih ingat hingga sekarang adalah apabila saya mengambil keputusan PSLE dan bapa saya tidak dapat hadir kerana sudah dalam penjara pada masa itu."

"Apabila saya melihat ibu bapa teman lain semua hadir, saya berasa begitu kecil dan sedih sekali, kerana ini merupakan detik yang penting bagi kami semua, dan bapa saya tiada di sana," katanya sambil mengesat air mata yang mengalir.

Selain tidak dapat merasakan kehadiran seorang suami dan bapa, keluarga Cik Nisa juga kehilangan pencari nafkah utama selama sekitar lima tahun.

Ibunya seorang warga Indonesia tidak dibenarkan bekerja di Singapura. Cik Nisa dan tiga adiknya, yang kini berusia 15, 13 dan 10 tahun pula terlalu kecil untuk bekerja pada masa itu.

Untuk itu mereka hanya bergantung pada bantuan kewangan yang diperolehi dari badan-badan dan juga mungkin dari saudara mara.

Mujur Cik Nisa, yang kini bakal menamatkan tahun akhirnya di Institusi Pendidikan Teknikal (ITE) dalam jurusan kejuruteraan sivil dan struktural, mempunyai sekumpulan teman rapat yang sedia mendengar tentang sebarang masalah yang dihadapi.

"Ada kalanya memang saya tertekan dengan apa yang berlaku dengan keluarga, dan ada kalanya ia juga mengganggu tumpuan saya di sekolah."

"Tapi saya mempunyai sekumpulan empat orang kawan, yang bersama-sama dengan saya sejak di sekolah rendah, hingga ke sekolah menengah dan juga ITE, yang bersedia mendengar luahan hati saya dan membantu seboleh mungkin," ujarnya.

Cik Nisa akui selepas bapanya dipenjara, hubungan keluarganya mula renggang.

Kini, setelah sekitar dua tahun bapanya dibebaskan dari penjara, Cik Nisa meletakkan matlamat untuk mengeratkan semula hubungan keluarga mereka.

Ini dibantu Program Fairy Godparent (FGP) Dana Reben Kuning-Persatuan Syarikat Kerjasama Perusahaan dan Perkhidmatan (Iscos), yang menyediakan program untuk membantu keluarga bekas banduan untuk mengeratkan hubungan antara satu sama lain menerusi aktiviti yang diadakan.

Ini termasuk bengkel-bengkel yang dikhususkan untuk ibu bapa, belia dan kanak-kanak bertujuan melengkapkan mereka dengan kemahiran dalam komunikasi, membangunkan aspek sosial dan emosi yang dapat menyumbang kepada hubungan antara keluarga yang lebih baik.

Selain itu, ia juga menawarkan aktiviti-aktiviti yang menggalakkan interaksi antara anggota keluarga seperti membuat terranium, memasak, dan melukis bersama.

Dengan bapanya yang bekerja sebagai seorang penghantar barangan yang juga bekerja pada hujung minggu, agak sukar bagi keluarga Cik Nisa berkumpul bersama dan sesi-sesi tersebut merupakan peluang yang baik untuk mereka.

Kini, beliau akui anggota keluarganya lebih rapat dan terbuka antara satu sama lain di mana masing-masing akan menceritakan apa yang terjadi kepada mereka pada hari itu atau membincangkan masalah-masalah yang dihadapi.

"Kami juga kini semakin rapat dengan saudara mara sebelah bapa saya dan mereka akan mengadakan 'gathering' di mana kita berkumpul bersama berbual dan makan-makan, saya amat berterima kasih kepada pakcik dan makcik saya kerana berusaha untuk mengeratkan hubungan kita," katanya.

Menurut Cik Nisa, pengalaman yang dilaluinya sebelum ini menambah keyakinan diri beliau dan telah menjadikan beliau seorang yang tabah dalam menghadapi sebarang cabaran.

Namun buat masa kini beliau hanya gembira keluarganya dapat bersatu semula.

Sambil mengelap air mata yang mengalir, Cik Nisa berkata: "Saya berharap keluarga saya akan kekal bersama sehingga akhir hayat, kerana saya begitu sayang kepada mereka dan tidak ingin melihat kita terpisah lagi."

"Saya juga ingin ibu bapa saya berpeluang melihat saya mencapai kejayaan, dan membuat mereka bangga."

Translation:

## **Trying to strengthen family bonds after father's release from prison**

When she learned that her father had been arrested for drug abuse, she was so shocked that she did not know what to do.

However, after seeing how her mother was affected by the sudden loss of her father's presence, Ms Nisa (*not her real name*), then 12, realised that being the eldest child, she had to be strong and take care of her mother and three siblings.

Since then, she took up the role of a 'mother' in the home where she helped with the cleaning, cooking, taking care of her siblings and at the same time, trying to lift her mother's spirits.

She did all these despite having to sit for her Primary School Leaving Examination (PSLE) during that year.

It is unimaginable how she had to bear heavy responsibilities at such a young age.

Now 20, Ms Nisa still could not forget how she felt at that time.

"The saddest moment I still remember until today was when I had to collect my PSLE results but my father could not come because he was in jail at that time."

"When I saw parents of my other friends present, I felt so small and sad because that was an important moment for all of us all but my father was not there," she said as she wiped away her tears.

In addition to the absence of a husband and father, Ms Nisa's family also lost their main breadwinner for five years.

Her mother, an Indonesian citizen, was not allowed to work in Singapore. Ms Nisa and her three siblings, now aged 15, 13 and 10, were too young to work at that time.

They had to rely on financial assistance obtained from various organisations and relatives.

Fortunately Ms Nisa, who is currently in her final year at the Institute of Technical Education (ITE) with a major in civil and structural engineering, has a group of close friends who are ready to lend a listening ear.

"Sometimes I was troubled with what's happening to my family, and there were times it also disrupted my focus in school."

"But I have a group of four friends who have been with me since primary school to secondary school and ITE. They are willing to hear my thoughts and help as much as possible," she said.

Ms Nisa admitted that after her father was imprisoned, relationships with her family began to worsen.

Now, after about two years from her father's release, Ms Nisa has set a goal to rekindle her family ties.



This was supported by the Fairy Godparent Programme (FGP) by the Industrial and Services Co-operative Society (Iscos) and Yellow Ribbon Fund, which offers programmes to assist families of ex-offenders to foster ties with each other through various activities.

These include workshops designed for parents, youth and children to equip them with communication skills, and to develop social and emotional aspects that can contribute to better familial relationships.

In addition to that, it also offers activities that promote interaction between family members, such as creating terrariums, cooking, and art therapy.

With her father now working as a delivery man who also worked on weekends, it was difficult for Ms Nisa's family to get together and the sessions were a good opportunity for them.

At present, her family members are closer and will open up to each other about what happened to them on a particular day, or discuss the problems they face.

"We are also closer to my father's family who will hold gatherings where we can come together to talk and eat. I am very grateful to my uncles and aunts for helping to strengthen our relationship," she said.

According to Ms Nisa, her past experience enhanced her self-esteem and had made her a stronger person in the face of challenges.

But for now, she is just happy to see her family reunited.

While wiping her tears, Ms Nisa said, "I hope my family will stay together until the end of our lives, because I love them so much and do not want to see us separated anymore."

"I also want my parents to have a chance to see me succeed, and make them proud."